

MANFAAT BESAR OBOR PADA NEGARA

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak sekali lagi menyatakan keyakinannya bahawa Malaysia akan mendapat manfaat yang besar hasil daripada gagasan 'One Belt One Road' (OBOR) oleh China.

Perdana Menteri berkata ia berikutan wujudnya kesalinghubungan khususnya antara negara China dengan Asia Tengah, China dengan benua Eropah, China dengan Asia Tenggara, dan China dengan Afrika Timur.

"Bayangkanlah rangkaian Belt and Road ini, skalanya besar dan komprehensif. Ia bakal menjadi suntikan dan rangsangan kepada pembangunan pelbagai sektor dan industri lantas menjana pertumbuhan yang lebih tinggi melalui infrastruktur yang baik sebagai pemangkin," katanya dalam catatan blog www.najibrazak.com hari ini.

Najib menjelaskan melalui inisiatif itu pengangkutan dan peralihan barangan tentunya menjadi lebih mudah dan murah serta membolehkan pengusaha tempatan menembusi pasaran yang lebih besar.

"Insya-Allah, dengan konsep berkongsi kemakmuran dan situasi menang-menang, "saya percaya Malaysia bersama negara lain akan dapat merealisasikan potensinya di bawah gagasan One Belt, One Road," tambahnya.

OBOR adalah inisiatif Presiden China Xi Jinping sebagai strategi pembangunan yang memberi fokus kepada kesalinghubungan dan kerjasama dalam kalangan negara-negara. Ia juga bagi merencanakan perdagangan antara negara dengan menyediakan infrastruktur seperti pelabuhan, laluan kereta api dan lebuh raya.

Selain itu, Najib turut merumuskan kejayaan lawatan beliau ke China selama lima hari bermula Jumaat lepas, antaranya sembilan Perjanjian Persefahaman (MoU) antara syarikat-syarikat dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, pertanian, pasaran kewangan, infrastruktur dan kerjasama pelaburan sebanyak US\$ 7.22 bilion atau kira-kira RM31.26 bilion.

Beliau berkata kebanyakan projek tersebut akan dilaksanakan di Malaysia, antaranya Robotic Future City (Bandar Robotik Masa Depan) di Johor Bahru seluas 404.6 hektar yang akan melibatkan pelaburan melebihi RM15 bilion di mana projek itu akan merangkumi pembangunan holistik dari segi penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pendidikan, pengeluaran, perkhidmatan, dan pusat pameran.

"Sabah dan Sarawak turut mendapat manfaat daripada lawatan ini. Di Sarawak, usahasama kilang penghasilan methanol dan derivatif antara Yayasan Hartanah Bumiputera Sarawak, Consortium of Huanhqi Contracting & Engineering Co. dan MACFEAM Sdn Bhd yang bernilai RM2 bilion akan dibina dan dianggarkan siap pada tahun 2021.

"Di Sabah, kerjasama untuk membangunkan The Shore yang bernilai US\$132.58 juta telah dimeterai," katanya. Menurut Najib, Perdana Menteri China Li Keqiang memberi jaminan bahawa kerajaan China akan terus menyokong syarikat-syarikat China melabur di Malaysia. "Pelaburan dari negara luar seperti ini sudah pasti akan membantu rakyat

kita dari segi penambahan peluang pekerjaan yang berpendapatan dan berkemahiran tinggi. Ini sejajar dengan cita-cita kita untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Dari segi hubungan dua hala, Najib berkata Presiden Xi memberitahu bahawa hubungan antara Malaysia dan China berada pada tahap terbaik dalam sejarah. Katanya, Malaysia juga mendapat manfaat langsung seperti pembiayaan pembinaan Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) oleh Exim Bank of China.

"Saya juga ambil maklum bahawa China telah menambah pembelian minyak sawit dari Malaysia atas permintaan saya pada lawatan November lepas.

Kerajaan juga menjangkakan eksport minyak sawit ke China akan meningkat jauh lebih tinggi dengan Perjanjian Persefahaman antara Felda Global Ventures Holdings Bhd dan Sinograin Oils Corp. "Perjanjian ini juga akan memberi akses kepada pasaran hiliran pertengahan dan hiliran di China," katanya.

SUMBER : SINAR HARIAN | M/S: 7 | 17 MEI 2017